



Ruj. Fail: JKRMT 600-9/1/380

NOTIS RALAT
SEBUTHARGA KERJA
JKR MELAKA TENGAH
MELAKA

Sebutharga No : JDMT(J) 14/2025

Tajuk : KERJA MENAIKTARAF LONGKANG DAN PEMBENTUNG SERTA LAIN – LAIN KERJA BERKAITAN DI JALAN INDUSTRI KRUBONG KE JALAN PANTAI BELIMBING DAERAH MELAKA TENGAH, MELAKA

RALAT : **PEMBETULAN HARGA JUALAN DOKUMEN SEBUT HARGA DARI RM 20.00 KE RM 50.00**

1. Sebut Harga adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), serta Sijil Taraf Bumiputera (STB) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang masih sah dalam Gred:G2, Kategori: CE, Pengkhususan: CE 34 (Kontraktor BUMIPUTERA yang berdaftar di dalam NEGERI MELAKA sahaja). Surat Kebenaran Khas CIDB adalah tidak dibenarkan.
2. Kontraktor **diwajibkan** menghadiri taklimat dan lawatan tapak bina pada **10 JULAI 2025 (KHAMIS) Jam 9.30 pagi**. Taklimat akan hanya diadakan sekali sahaja. Kontraktor dikehendaki berkumpul di **(DEWAN AR RAHMAN, JKR DAERAH MELAKA TENGAH)** pada masa dan tarikh yang telah ditetapkan. Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), SPKK sahaja yang dibenarkan menghadiri taklimat dan lawatan tapak ini dengan mengikut langkah S.O.P yang telah di tetapkan. Kontraktor diminta untuk membawa 1 (SATU) salinan sijil – sijil CIDB, PPK & STB sewaktu lawatan tapak.
3. Permohonan dokumen Sebut harga adalah secara Atas Talian (Online). Segala Urusan Tawaran, Pembelian dan keterangan lanjut **HANYA** boleh dimuat turun dari **SISTEM TENDER ONLINE MELAKA (STOM)** yang boleh dicapai melalui alamat <http://stom.melaka.gov.my>.
4. Pihak syarikat perlu melengkapkan akaun serta langganan di SISTEM TENDER ONLINE MELAKA (STOM) dengan caj langganan **RM 50.00 setahun** dan seterusnya membuat pembelian dokumen sebut harga secara atas talian dengan harga **RM 50.00** bermula pada **11 Julai 2025 (Jumaat) sehingga 17 Julai 2025 (Khamis)**. Dokumen Sebut Harga hendaklah dimuat turun, dicetak dan diisi selengkapannya.
5. Dokumen tawaran sebut harga mestilah dikemukakan dalam sampul surat bermeteri dan di alamatkan kepada JURUTERA DAERAH JKR MELAKA TENGAH dan dimasukkan ke dalam peti Sebut Harga di Pejabat Unit Ukur Bahan, JKR Melaka Tengah, Melaka **selewat-lewatnya jam 12.00 tengahari, pada hari Khamis, 17 Julai 2025.**



(Ir. MAHALIL BIN MOHTAR)
Jurutera Daerah,
JKR Melaka Tengah,
Melaka.

Tarikh: // hb. Julai 2025